



NOTIS SEBUT HARGA

- Pembekal adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang dan kriteria yang mana tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa sepanjang tempoh pelaksanaan perkhidmatan seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	MEMENUHI SYARAT-SYARAT
IIM/SH/4/2025	Perkhidmatan Pembersihan Seluruh Kawasan Dalam Dan Luar Bangunan Termasuk Penyelenggaraan Landskap Serta Lain-Lain Perkhidmatan Berkaitan Di Institut Integriti Malaysia Bagi Tempoh Satu (1) Tahun	<p>➤ Kod Bidang: 221001: Pembersihan Bangunan Dan Pejabat; dan/atau 221002: Membersih Kawasan</p> <p>➤ Lokaliti:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur2. Selangor3. Wilayah Persekutuan Putrajaya

TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Tarikh: 7 Julai 2025 (Isnin)

Masa: 10.00 pagi

Tempat: Dewan Murni, IIM

Pengesahan kehadiran:

<https://forms.gle/mrpfj8T2fKvJXNQU7>

HANYA PEMBEKAL YANG MENGESAHKAN KEHADIRAN DAN MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIBENARKAN MENYERTAI SEBUT HARGA

1. Pembekal DIKEHENDAKI hadir 30 minit lebih awal sebelum sesi taklimat berlangsung bagi tujuan pendaftaran. Pembekal TIDAK DIBENARKAN turut serta pada sesi taklimat dan lawatan tapak selepas waktu yang ditetapkan.
2. **PENAMA** syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) semasa menghadiri taklimat. WAKIL ADALAH TIDAK DIBENARKAN DAN HANYA PENAMA syarikat di dalam sijil dibenarkan untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak.

3. Dokumen sebut harga disediakan secara **PERCUMA** dan diserahkan kepada pembekal melalui e-mel rasmi syarikat yang didaftar semasa sesi taklimat dan lawatan tapak pada **7 Julai 2025 (Isnin)**.
4. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi **WAJIB** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat berikut:

**Institut Integriti Malaysia
Menara Integriti
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 KUALA LUMPUR.
(u.p: Bahagian Pentadbiran)**

5. Dokumen Sebut Harga hendaklah sampai **pada 14 Julai 2025 (Isnin)** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** Tawaran yang lewat dari masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN**. Institut Integriti Malaysia tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan/kehilangan penghantaran Dokumen Sebut Harga melalui pos berdaftar/kurier.
6. Institut Integriti Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana Cadangan Tawaran. IIM berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran yang mana diputuskan munasabah.
7. Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga sila e-mel kepada perolehan@iim.gov.my atau hubungi Encik Fatah: 018-388 4642 dan Puan Nazsalwani: 012-933 9787.

Sekian, terima kasih

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KOMITED MEMBUDAYAKAN INTEGRITI"
"INTEGRITI. KERJA BERPASUKAN. PROFESIONAL"**

Saya yang menjalankan amanah,



HARISHAM BIN IBRAHIM
Pengarah
Bahagian Pentadbiran
Institut Integriti Malaysia

